

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilangan warga asing yang telah dan yang belum menerima vaksin COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengikut rekod Jabatan Perangkaan Malaysia yang diterbitkan pada 22 Ogos 2021, bilangan penduduk bukan warganegara di Malaysia adalah seramai 2.69 juta orang daripada 32.66 juta populasi negara.

Sehingga 22 September 2021, atas saranan pemberian vaksinasi secara percuma kepada bukan warganegara di bawah PICK iaitu 'tiada siapa selamat hingga semua orang selamat', seramai 2.72 juta penduduk bukan warganegara telah diberi sekurang-kurangnya satu dos vaksin, di mana 1.59 juta bukan warganegara telah lengkap diberi dos lengkap dengan percuma bagi memastikan vaksinasi dijangkau seramai mungkin terutamanya di kawasan kawalan wabak atau *epicentre*.

Sekian, terima kasih.